

21/12/1998

Belia perlu hayati patriotisme

KUALA LUMPUR, Ahad - Belia perlu mengambil iktibar daripada sejarah penjajahan dan perjuangan negara menuntut kemerdekaan bagi memahami erti sebenar patriotisme serta bersedia berjuang mempertahankan kebebasan yang dinikmati.

Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia (Belia 4B), Datuk Mohd Ali Rustam, berkata, tanpa pemahaman sebenar, mereka mungkin terpedaya dengan dakyah serta menjadi boneka kuasa luar yang ingin menjajah kembali negara.

Menurutnya, kejatuhan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka kepada Portugis dahulu berpunca daripada perbuatan golongan tertentu yang menjadi boneka dan belot terhadap negara.

Sehubungan itu, katanya, belia perlu menghayati serta menanam semangat patriotik supaya mereka tidak boleh dipergunakan pihak tertentu.

"Patriotisme bukan sekadar menyatakan perasaan cinta kepada negara tetapi terbabit dalam proses memperkukuhkan negara terutama ketika Malaysia diancam kuasa asing dengan agenda tertentu.

"Belia tidak boleh hanya menjadi penonton, mereka perlu menyatakan sokongan kepada negara, kepada kerajaan dan kepada pemimpin yang bersusah payah menentang serangan dari luar," katanya pada pelancaran kempen Patriotik Malaysia.

Majlis disempurnakan Setiausaha Politik Kepada Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, yang turut menyampaikan ceramah bertajuk Sejarah Pembangunan Negara.

Kempen anjuran bersama Belia 4B dan Majlis Belia Malaysia (MBM) akan diadakan di seluruh negara selama setahun dan menerusi forum perbincangan isu semasa yang akan membabitkan lebih dua juta ahli daripada 35 badan belia gabungan.

Mengenai kemungkinan diadakan forum perbincangan dengan penyokong Gerakan Reformasi, Mohd Ali berkata, Belia 4B tidak mahu membuang masa dengan badan yang tidak diiktiraf dan tidak sah.

Sementara itu, Presiden MBM, Saifuddin Abdullah, berkata belia generasi sekarang tidak memahami erti sebenar patriotisme kerana mereka tidak merasai azab perjuangan menuntut kemerdekaan.

"Justeru, langkah bagi mengisi kekosongan ini yang wujud di jiwa mereka perlu dilakukan bagi menyemai serta menyuburkan semangat cinta kepada negara," katanya.

Pada majlis itu, sekeping kad ucapan ulang tahun kelahiran dan lebih 2,000 poskad menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diserahkan kepada Abdul Aziz untuk disampaikan kepada beliau.

(END)